

Futsal Lelaki KKTU Rangkul Emas Karnival Sukan Kolej

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 14 Disember 2018 13:03 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 187

Kongsi 4

Syorkan 4

Kongsi

Tweet

Share



JUMAAT, 14 DISEMBER - Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTU) UMS muncul johan pertandingan futsal kategori lelaki Karnival Sukan Kolej (Karsukol) anjuran Pusat Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Bertempat di Arena Kompleks Sukan UMS, pasukan itu tampil dengan aksi memberangsangkan pada perlawanan akhir yang berlangsung sengit menyaksikan pasukan KKTU menang tipis dengan jaringan 1-0 menewaskan Kolej Kediaman Excellent UMS.

Kapten pasukan KKTU, Norhisam Hashimudin berkata, pencapaian itu adalah di luar jangkaan memandangkan persiapan yang terhad dan para pemain

tidak berkesempatan untuk mengadakan latihan dalam satu pasukan sebelum pertandingan.

"Namun apa yang menjadi kunci kejayaan ini adalah kesemua pemain mempunyai semangat juang yang tinggi dan saling mencipta persefahaman antara satu sama lain sepanjang perlawanan yang dilalui," katanya ketika ditemui selepas perlawanan.

Menurut beliau, pasukan KKTU juga beruntung kerana dibarisi beberapa pemain yang berpengalaman dalam bermain futsal di peringkat kejohanan yang lebih besar.

"Kita bercadang untuk menyertai beberapa lagi kejohanan pada masa akan datang dan menyasarkan lebih banyak kejayaan," tambah Norhisam lagi.

Untuk rekod, Karsukol merupakan acara sukan tahunan bagi kolej-kolej kediaman di UMS yang melibatkan pelbagai jenis sukan termasuk futsal. -SS

Sumber: Alifah, KKTU

